

Headline	Kelip-kelip tarik pelancong asing		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	20 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	News	Page No	37
ArticleSize	271 cm <sup>2</sup>	Journalist	RAIHAM MOHD
PR Value	RM 8,760		



# Kelip-kelip tarik pelancong asing



Mohd Nazri (empat dari kanan) bergambar bersama Ahli Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid (tiga dari kanan) dan pemimpin-pemimpin lain yang memeriahkan majlis di Masjid Ibok.

**TNB sasar melalui program pemuliharaan habitat itu**

RAIHAM MOHD SANUSI

**KEMAMAN**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyasarkan untuk menarik kehadiran pelancong luar negara menerusi program pemuliharaan habitat kelip-kelip di Sungai Yak Yah di Ibok, di sini yang sedang dibangunkan sekarang.

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Terengganu, Mohd Nazri Puteh berkata, pihaknya yakin

Terengganu akan berjaya menarik kehadiran ramai pelancong asing dengan tarikan kelip-kelip di Sungai Yak Yah.

Menurutnya, kedudukan pusat pemuliharaan kelip-kelip Sungai Yak Yah yang berdekatan dengan Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman pada masa sama akan turut memajukan zoo berkenaan kerana pihaknya juga merancang menggabungkan dua tempat itu dalam satu pakej pelancongan.

“Kita sedang majukan pusat pemuliharaan kelip-kelip Sungai Yak Yah seperti kita lakukan di kawasan habitat kelip-kelip di Kuala Selangor.

“Kawasan itu kita telah majukan selama lima tahun dan hasil sekarang, ramai

pelancong dari luar negara seperti dari Arab Saudi, Jepun dan Korea datang,” katanya pada Majlis Mesra Aidilfitri Bersama Ketua-Ketua Komuniti dan Pendayung Kampung Yak Yah di pekarangan Masjid Ibok.

Mengulas lanjut Mohd Nazri berkata, usaha yang dilakukan di Kuala Selangor itu akan dijadikan contoh untuk membangunkan koloni kelip-kelip di Sungai Yak Yah agar tidak lama lagi pelancong-pelancong dari luar negara turut menjadikan kawasan itu sebagai destinasi pelancongan mereka.

Menurut beliau, kemungkinan pelancong asing itu akan merancakkan industri pelancongan dan ekonomi rakyat di kawasan itu juga akan berkembang.